

Penjara Teluk Guantanamo lambang keganasan AS

S.H 30/06/08 MS1B

Sekitar Dunia Islam

SUHAIMI MOKHTAR

AMERIKA SYARIKAT (AS) melau-
laungkan kepada dunia bahawa
negara itu merupakan negara yang
mengamalkan dan menghormati
kebebasan, hak asasi manusia dan
paling demokratik di dunia. Ia
mahukan negara-negara lain
mencontohnya dan mahu
mengimport demokrasi terutama ke
negara-negara umat Islam.

Tetapi hakikatnya, apa yang
berlaku sebaliknya. AS tidak boleh
lagi berbangga sebagai negara
paling demokratik, walaupun dalam
pemilihan Presiden negara itu,
kelihatan kelangsungan demokrasi,
tetapi dalam hubungannya dengan
dunia Islam kelihatan AS
mencengkam umat Islam dengan
cengkaman keganasan, kezaliman,
memaksa negara-negara umat Islam
tunduk kepada dasar-dasarnya.

AS di bawah pentadbiran
Presiden George Bush yang akan
menamatkan pentadbiran dua
penggalnya selama lapan tahun awal
November ini, memberitahu dunia
bahawa pentadbiran AS itu adalah
penyelamat umat manusia bagi
membawa keamanan di seluruh
dunia.

Tetapi realitinya adalah
sebaliknya. Di bawah pentadbiran
Bushlah, AS menakluki Iraq,
Afghanistan dan sekali gus menjajah
negara umat Islam itu, sejak Bush
melancarkan perang menentang
keganasannya, atau 'war on terror'

pada 2001. Bush juga melancarkan
perang melalui proksinya di Palestin,
Lubnan, Somalia, Sudan dan di mana
jua negara umat Islam di seluruh
dunia.

Di era pentadbiran Bush AS
dilihat begitu kejam, angkuh
mengamalkan dasar-dasarnya yang
bolehlah dianggap sebagai negara
yang sebenarnya menaja keganasan.
Keganasan dan peperangan yang
berlaku di hampir seluruh negara
umat Islam sekarang adalah hasil dan
akibat dasar-dasar pentadbiran Bush.

Bagaimanapun, mana-mana
negara yang enggan mengikut
telunjuk dan agendanya atau
kelihatan tidak mahu bersekongkol
dengan kuasa itu, negara berkenaan
akan dimusuhi dengan segala
tekanan, sekatan dikenakan bagi
menundukkan negara umat Islam
yang cuba menerap identiti masa
depannya sendiri.

Di bawah pentadbiran Bush, AS
mempersetankan amalan hak asasi
manusia, kebebasan dan demokrasi.
AS mengadakan akta patriot yang
membolehkan mereka yang disyaki
pengganas ditahan tanpa bicara dan
dinafikan hak untuk membela diri.

Imej AS sebagai sebuah negara
paling demokratik, melindungi hak
asasi manusia dan menjadi juara
kebebasan lupus dan luput sebaik
sahaja AS mengada-adakan dasar
serta melaksanakan 'war on
terror'nya selepas menara
berkembar Pusat Dagangan Dunia
(WTC) diserang dengan kapal
terbang penumpang yang
meranapkan bangunan kemegahan
AS itu di New York pada 9/11 2001.

Kemuncak keganasan, kezaliman


dan kekejaman AS yang di luar garis-
garis peri kemanusiaan dan
mencabul hak asasi manusia
tergambar dalam imej-imej di
penjara Abu Gharib di Iraq dan yang
paling memualkan ialah di penjara
keselamatan maksimum AS di Teluk
Guantanamo, Cuba.

Ketika di kemuncak, tahanan di
Guantanamo berjumlah 770 orang
dan kini hanya tinggal 270 orang,
sebahagian besarnya, seramai 420
dibebaskan tanpa pun dikenakan
sebarang pendakwaan. Ada pula
yang ditahan tanpa dinyatakan
sebarang kesalahan yang dilakukan.

Kongres AS telah mengkritik
hebat kewujudan penjara
Guantanamo dan yang terbaru
Mahkamah Agung AS telah
membuat keputusan bahawa para
tahanan di Guantanamo dibolehkan
dan mempunyai hak untuk
mempertahankan diri di mahkamah
awam AS terhadap penahanan
mereka. Mahkamah Agung
berpendapat penahanan yang
dilakukan tidak mengikut
perlembagaan AS dan menyalahi
hak-hak yang digariskan oleh
undang-undang antarabangsa.

Keputusan Mahkamah Agung ini
memberi tamparan hebat kepada
Pentadbiran Bush tetapi Bush
dengan nada angkuh tidak bersetuju
dengan keputusan itu dan
menganggap keputusan itu berbelah
bagi kerana ia keputusan 5-4 dan
bukan sebulat suara.

Hari hari terakhir kewujudan
penjara Guantanamo sudah boleh
dihitung, samalah dengan hari-hari
Presiden Bush juga yang sedang
dihitung, kerana selepas tamatnya



Tahanan penjara Guantanamo dilayan tanpa peri kemanusiaan.

pentadbiran Bush pada 4 November
dan Presiden baru mengambil alih
pada awal 2009, penjara
Guantanamo dijangka ditutup.

Calon Presiden dari Parti
Demokrat, Obama dalam kempen
pilihan raya semasa melawan Hillary
Clinton untuk merebut menjadi calon
demokrat menyatakan hasratnya
menutup sahaja Guantanamo, kerana
ia telah menimbulkan imej buruk AS
di kalangan umat Islam disebabkan
Guantanamo telah dijadikan sebagai
dewan penderaan yang di luar batas
kemanusiaan.

Tetapi calon Republican, John
McCain mahu mengambil
pendekatan untuk mengekalkannya
dan membicarakan mereka yang
disyaki melalui Mahkamah Tribunal
Tentera yang ditubuhkan oleh Bush.
Mahkamah Agung AS telah tiga kali
membuat keputusan terhadap status
tahanan yang disyaki di penjara

Guantanamo.

Bush mengatakan bahawa dia
tidak tertakluk dengan keputusan
Mahkamah Agung dan dia bersetuju
dengan empat orang hakim yang
menentang keputusan Mahkamah
Agung untuk membolehkan tahanan
mempunyai hak untuk dibicarakan di
mahkamah awam AS.

Bush yang akan mengakhiri era
pentadbirannya tidak lama lagi akan
membawa bersamanya legacy
(sejarah) sebagai Presiden AS yang
melancarkan perang terhadap
negara umat Islam dengan
mengadakan pelbagai alasan,
sedangkan alasan yang diada-adakan
bukanlah yang sebenarnya, seperti
alasan kononnya Saddam Hussein
memiliki senjata pemusnah besar-
besaran (WMD) Qua Vadis Bush.

**Penulis ialah seorang perunding
media di Kuala Lumpur.**